



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

FATWA MENGENAI YAQZAH DAN DAKWAAN SEBAGAI WALI

1. Majoriti ulamak bersetuju bahawa **yaqazah** boleh berlaku ke atas mana-mana insan yang dipilih oleh Allah ﷻ atas anugerah ke atasnya termasuk *karamah*, *ma'unah* dan lain-lain.
2. Bagaimanapun masyarakat perlu berhati-hati terhadap individu yang mendakwa melihat Nabi ﷺ secara *yaqazah* kerana boleh menimbulkan fitnah dan tafsiran negatif.
3. Menurut pandangan al-Hafiz Ibn Kasir η dalam tafsirnya:

وَقَدْ قَالَ يُونُسُ بْنُ عَبْدِ الْأَعْلَى الصَّدْفِيُّ: قُلْتُ لِلشَّافِعِيِّ: كَانَ اللَّيْثُ بْنُ سَعْدٍ يَقُولُ: "إِذَا رَأَيْتُمُ الرَّجُلَ يَمْشِي عَلَى الْمَاءِ وَيَطِيرُ فِي الْهَوَاءِ فَلَا تَغْتَرُّوا بِهِ حَتَّى تَعْرِضُوا أَمْرَهُ عَلَى الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ".

Maksudnya: *Apabila kamu semua melihat seorang lelaki berjalan di atas air dan terbang di udara, Janganlah kamu terpedaya dengannya sehingga diperjelaskan perkara itu berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah.*

4. Seseorang yang menerima *yaqazah* adalah dituntut supaya menyembunyikan perkara tersebut tanpa menghibahkan kepada orang lain kerana dibimbangi akan berlaku perkara-perkara yang tidak baik.
5. Oleh itu, Jawatankuasa mengesyorkan supaya siasatan terperinci dilaksanakan sebelum apa-apa tindakan ke atas dakwaan tersebut.

TARIKH KEPUTUSAN : 8 SEPTEMBER 2020